

'MIFA tak berkubur'

BERITA HARIAN 18/9/18 m/s 75

Kuala Lumpur: Jurulatih MIFA K Devan percaya kelab itu tidak akan berkubur meskipun perjuangan mereka musim ini berakhir selepas tersingkir awal pada saingan Piala Malaysia.

Hajat untuk mara ke suku akhir Piala Malaysia lebur apabila kalah 0-3 kepada Johor Darul Ta'zim (JDT) pada aksi terakhir Kumpulan C, manakala satu lagi slot diisi Kelantan yang menundukkan Kedah 2-0.

Ia keputusan yang amat mengecewakan apabila mereka hanya selangkah untuk mencipta sejarah tersendiri dalam kempen Piala Malaysia selepas gagal merebut tiket ke Liga Super musim depan kerana menamatkan kempen Liga Perdana di tangga ketiga.

Meskipun timbul tanda tanya mengenai masa depan kelab itu kerana dibelenggu masalah kewangan, Devan percaya MIFA akan terus bersaing musim depan.

"MIFA sekarang sedang mencari penaja dengan satu syarikat. Kalau berjaya ia akan membantu kewangan pasukan dan sudah tentu kita akan bertanding musim depan.

"Tapi dalam apa juga keadaan saya rasa MIFA akan tetap ada musim depan. Malah kalau kita ada kewangan yang baik, kita boleh turunkan pasukan lebih baik berbanding musim ini," katanya.